

Utusan Malaysia - Pesawah Disaran Daftar Elak Tercicir Bantuan Khas

Rabu, Mac 28 2018

Pesawah disaran daftar elak tercicir bantuan khas

BANTUAN KHAS PESAWAH RM200 X 3 BULAN

Bilangan pesawah

325, 518

seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak

Padi Sawah

258,839 pesawah

Padi Bukit

66,679 pesawah

Bantuan RM30,000 kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

Tujuan bantuan bagi meningkatkan keupayaan 278 PPK seluruh negara

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP):

211

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA):

27

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA):

13

Sarawak:

28



Oleh ZULQURNAIN OTHMAN
utusan.kedah@utusan.com.my

KUBANG PASU 27 MAC

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani menasihatkan pesawah padi yang belum mendaftar dengan agensi-nya berbuat demikian supaya tidak tercicir dalam proses pengagihan bantuan yang disediakan untuk golongan tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, setakat ini pihaknya mendapati kebanyakan pesawah yang belum mendaftar tinggal di Sabah dan Sarawak mengusahakan padi bukit.

"Pada peringkat awal, seramai 220,000 golongan tersebut mendaftar dan kini jumlah yang telah mendaftar sudah mencapai 330,000.

"Sehubungan itu, kita menggalakkan pesawah padi mendaftar supaya kita dapat angka yang sebenarnya bagi menyalurkan bantuan-bantuan di bawah Kementerian," katanya kepada pemberita selepas majlis Pelancaran Bantuan Khas Pesawah di Pusat Pertumbuhan Desa di Sungai Korok di sini hari ini.

Majlis pelancaran bantuan itu yang dihadiri kira-kira lebih 10,000 pesawah dari Kedah dan Perlis disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Menurut Ahmad Shabery, pihak kementerian komited dalam mencari jalan keluar bagi menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi termasuk meningkatkan beban golongan sasar tersebut.

"Salah satu bantuan yang diberikan pada petani ialah Bantuan Khas Pesawah RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan berjumlah RM600 sementara menunggu hasil tuaian.

Selain itu, pelbagai insentif diberikan bagi membantu pe-



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan cek RM150 juta kepada Sayadid Saffie yang mewakili pesawah seluruh negara sambil disaksikan oleh Ahmad Bashah Md. Hanipah dan Ahmad Shabery Cheek sempena majlis pelancaran Bantuan Khas Pesawah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Korok, Alor Biak, semalam. - UTUSAN/ ISMAIL KAMADIN



NAJIB TUN RAZAK membuka paip saluran air terusan MADA sebagai pelancaran majlis Bantuan Khas Pesawah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Korok, Alor Biak, semalam.

sawah dengan kaedah pemberian bantuan tersebut sampai ke petani," jelasnya.

Jelas Ahmad Shabery, langkah kerajaan menaikkan insentif harga padi daripada RM248.10 kepada RM300 merupakan insentif baharu berbanding negara pengeluar padi lain yang tidak memberikan

insentif seumpamanya kepada pesawah di negara mereka.

"Kita dah bagi sampai RM300 setiap satu tan yang dikeluarkan. Ertinya, kalau mereka dapat kelu- arkan 10 tan tambahan daripada yang mereka dapat daripada har- ga (jualan) padi RM1,200, kalau 10 tan mereka dapat RM3,000 ek- stra, itu jumlah yang banyak.

"Ada kalanya kita perlu (beri- kan) insentif atas usaha, keraji- nan (mereka), tetapi ada kalanya kita kena fikirkan perlu juga dalam kalangan pengusaha padi ada safety net (jaringan keselama- tan).

"Safety net adalah apabila kea- daan tidak menjejaskan mereka, contohnya dia dah cuba (usaha- kan tanaman padi), tetapi datang penyakit, banjir, kemungkinan ke- marau, tiba-tiba kena padi angin misalnya, dia tak dapat hasilkan (padi). Kita tahu bahawa satu ke- luarga empat orang dia perlukan lebih kurang 20 kilogram beras, 10 kilogram RM25 atau RM26. Jika beras 20 kilogram berharga kira- kira RM50 atau RM52. Sekurang- kurangnya RM200 yang kita kata- kan tadi kalau terpaksa beli beras cukup untuk keluarga.

"Saya kata safety net ini bukan bermakna RM200 itu menjadi- kan dia kaya, tetapi sekurang- kurangnya kita katakan ihsan itu ada. Sekurang-kurangnya ini per- mulaan kepada satu bentuk safety net ataupun jaringan keselamatan diberikan kepada penanam padi dalam negara kita," katanya.

REAKSI



"BANTUAN khas sangat membantu bagi menampung keperluan hidup ketika menanti musim seterusnya kerana kebanyakan petani terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan hanya mengharapkan hasil padi semata-mata."

JAAFAR ABDULLAH
Pesawah kawasan PPK Aman, Tajar, Pendang



"JIKA dihitung, pelbagai bantuan disediakan untuk pesawah dalam membantu mereka memperoleh pendapatan tinggi daripada sumber padi, oleh itu mereka perlu memanfaatkan bantuan tersebut sepenuhnya."

ROSLI ISHAK
Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kampung Pelek, Pulau Pinang



"TERIMA kasih kepada kerajaan kerana memberikan perhatian sewajarnya kepada kami golongan pesawah. Saya berharap bantuan dan insentif seperti ini akan diteruskan bagi menjamin pesawah seluruh negara mendapat pendapatan yang stabil."

RAMLI ABDULAH
Pesawah kawasan Bukit Besar, Yan, Kedah